



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

---

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2009**

---

**LANGKAH-LANGKAH TAMBAHAN KE ATAS PENAMBAHBAIKAN  
PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC) DI SELANGOR**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan menyampaikan keputusan terbaru Kerajaan Selangor kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan-jabatan Teknikal, berkaitan langkah-langkah tambahan ke atas penambahbaikan pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di Selangor.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan Selangor melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bilangan 3 Tahun 2009 telah memaklumkan penambahbaikan ke atas pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) di Selangor.

3. Bagi tujuan pemantapan penyampaian perkhidmatan OSC, suatu Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan di bawah Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan Selangor (PEMUDAH Selangor), yang dianggotai oleh Jabatan-jabatan Teknikal di bawah Pentadbiran Kerajaan

Selangor dan pihak Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dari sektor swasta.

## **PELAKSANAAN**

4. Langkah-langkah tambahan ke atas penambahbaikan pelaksanaan OSC di semua PBT Selangor adalah seperti berikut : -

### **(i) Senarai Semak**

Mana-mana Jabatan teknikal yang belum mempunyai Senarai Semak permohonan yang lengkap, hendaklah menyediakan Senarai Semak tersebut. Format Senarai Semak yang seragam dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), yang digariskan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 5 Tahun 2009 hendaklah digunakan oleh Jabatan-jabatan Teknikal yang telah disenaraikan dalam Pekeliling tersebut.

Jabatan-jabatan Teknikal juga boleh menambah baik Senarai Semak yang sedia ada jika perlu berbuat demikian.

### **(ii) Syarat-Syarat Tambahan**

Tiada syarat-syarat tambahan (*super impose*) boleh dikenakan oleh PBT atau Jabatan-jabatan Teknikal kepada pemaju/pemohon setelah kelulusan bersyarat diberi kepada mereka.

### **(iii) Penolakan Permohonan**

OSC hendaklah menolak mana-mana permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi Senarai Semak permohonan dengan serta-merta di kaunter. Penolakan permohonan juga boleh dibuat secara bertulis (dengan memaklumkan perkara-perkara yang tidak lengkap) kepada pemohon dan disalin kepada pihak REHDA dan pemaju terlibat.

**(iv) Tempoh Ulasan Teknikal Oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor.**

Ulasan teknikal hendaklah dikemukakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor dalam tempoh sama ada: -

- a) dua puluh satu (21) hari bagi bangunan yang memerlukan *sprinkler system*; ATAU
- b) empat belas (14) hari bagi pelan bangunan yang tidak memerlukan *sprinkler system*.

**(v) Tempoh Ulasan Teknikal Oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).**

Mulai 1 September 2009, IWK Selangor Barat perlu mengemukakan ulasan teknikal dalam tempoh empat belas (14) hari. Bagi IWK Selangor Timur, tempoh empat belas (14) hari dikekalkan untuk penyediaan ulasan teknikal.

**(vi) Pengedaran Dokumen Untuk Ulasan Jabatan-jabatan Teknikal**

OSC perlu mengedarkan segera dokumen permohonan untuk ulasan Jabatan-jabatan Teknikal di mana: -

- a) permohonan yang diterima pada Hari Bekerja Biasa sebelum jam 1.00 tengah hari (atau sebelum jam 12.15 tengah hari pada Hari Jumaat), dokumen tersebut hendaklah diedarkan kepada Jabatan-jabatan Teknikal **pada Hari Bekerja Biasa yang sama.**

b) permohonan yang diterima pada Hari Bekerja Biasa selepas jam 2.00 petang (atau jam 2.45 petang pada Hari Jumaat), dokumen tersebut hendaklah diedarkan kepada Jabatan-jabatan Teknikal **pada Hari Bekerja Biasa yang berikutnya.**

**(vii) Tarikh Mula Sah Laku Pelan Bangunan.**

Tarikh sah Laku pelan bangunan yang diluluskan adalah bermula dari tarikh ia ditandatangani, **bukan daripada tarikh diluluskan** dalam Mesyuarat OSC.

**(viii) Penyediaan Laluan Masuk Khas Ke Pencawang Elektrik Milik Tenaga Nasional Berhad (TNB).**

Pemaju boleh mencadangkan kedudukan Pencawang Elektrik milik TNB. Walau bagaimanapun, pemaju hendaklah menyediakan laluan masuk khas ke Pencawang Elektrik tersebut (bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan dijalankan oleh pihak TNB) pada masa yang sama.

**(ix) Perubahan Pelan**

Bagi permohonan yang ada keperluan perubahan struktur pelan untuk mematuhi syarat Jabatan-jabatan Teknikal, pihak PBT hendaklah mengenal pasti dan menimbang keperluan Jabatan-jabatan Teknikal lain, terutamanya Jabatan Teknikal kritikal yang telah meluluskan pelan sebelum itu supaya tidak memberi impak kepada kelulusan tersebut.

**(x) Kelulusan Permohonan**

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT boleh meluluskan permohonan atas pertimbangan dan budi bicara sendiri tanpa merujuk kepada Jabatan-jabatan Teknikal, sekiranya Jabatan-jabatan Teknikal berkenaan gagal mengemukakan ulasan teknikal dalam tempoh yang ditetapkan.

**TARIKH BERKUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

**PEMAKAIAN**

6. Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri (PBT) dan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan pelaksanaan OSC hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Surat Pekeliling ini.

7. Surat Pekeliling ini hendaklah **dibaca bersama** dengan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 3 Tahun 2009.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO RAMLI BIN MAHMUD)**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

**3 Ogos 2009.**

**Dikelilingkan kepada: -**

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor.

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Jabatan Teknikal Yang Berkaitan Dengan Pelaksanaan OSC.

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

**Salinan kepada: -**

YAB Datoq Menteri Besar Selangor

YB Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen (Pegawai-pegawai Kanan),  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.